



جابتن كحاکيمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(102)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PAKAIAN HAKIM SYARIE, PENDAKWA SYARIE,
PEGUAM SYARIE DAN PEGAWAI MAHKAMAH
DI DALAM DEWAN MAHKAMAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan Pegawai Mahkamah di dalam Dewan Mahkamah Syariah sepertimana di Lampiran 1, 2, 3 dan 4.

2. Arahan Amalan No. 10 Tahun 2019 berkaitan dengan Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Syariah dan Arahan Amalan No. 7 Tahun 2020 berkaitan dengan Garis Panduan Pakaian Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**Garis Panduan
Pakaian Hakim Syarie
di dalam Dewan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah
dan Mahkamah Rendah Syariah**

- Lelaki: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), songkok hitam, baju melayu hitam dan sampings hitam atau kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap, seluar panjang hitam dan kasut hitam.
- Perempuan: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih atau blaus putih, kain hitam, tudung hitam, stoking dan kasut hitam bertutup.

**Garis Panduan
Pakaian Pegawai Mahkamah
di dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Syariah.**

Garis Panduan Pakaian Pegawai Mahkamah ini termasuklah Ketua Pendaftar, Pendaftar, Pegawai Penyelidik Panel Rayuan/ Hakim Bicara, Pembantu Syariah, Jurutulis (*kaatib*), Jurubahasa dan Urus setia sidang Mahkamah Rayuan Syariah yang bertugas ketika prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah seperti yang berikut:

Lelaki: Songkok hitam, kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap, seluar panjang hitam atau baju melayu hitam, sampung hitam dan kasut hitam.

Perempuan: Kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih atau blaus putih, kain hitam, tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak, stoking dan kasut hitam bertutup.

2. Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada anggota keselamatan beruniform yang bertugas di mahkamah syariah.

Garis Panduan
Pakaian Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie
di dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah
dan Mahkamah Rendah Syariah

Lelaki: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), songkok hitam khas, kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam atau baju melayu hitam, sampung hitam dan kasut hitam.

Perempuan: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih, blaus putih, kain hitam dan tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak dan kasut hitam bertutup.

2. Semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah, Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie dilarang memakai jubah peguam bela, peguam cara, jubah Peguam Syarie atau apa-apa jubah selain jubah yang berikut:

Jubah Khas Ketua Pendakwa Syarie


Contoh Teknikal Jubah KHAS: KETUA PENDAKWA SYARIE

Lapel Sulaman Songket
Ukuran Lebar (2.5")

1 Jalur Sulaman dan
3 Jalur Ribbon
Kuning Keemasan
1 inci setiap satu




Hadapan




Belakang

Sulaman
(kuning keemasan)
Based (Warna Hitam)



Jubah Khas Pendakwa Syarie



Songkok Khas Ketua Pendakwa Syarie/ Pendakwa Syarie

CONTOH TEKNIKAL SONGKOK KETUA PENDAKWA SYARIE/ PENDAKWA SYARIE : **SONGKOK**



**Garis Panduan Pakaian Peguam Syarie
di dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan
Mahkamah Rendah Syariah**

Garis Panduan Pakaian Peguam Syarie termasuklah Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah dari Jabatan Bantuan Guaman yang bertindak sebagai wakil mana-mana pihak, iaitu:

Lelaki: Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), songkok hitam atau serban putih, kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam atau baju melayu hitam, sampung hitam dan kasut hitam.

Perempuan : Jubah (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih, blaus putih, kain hitam dan tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak, stoking dan kasut hitam bertutup.

2. Semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah, Peguam Syarie dilarang memakai jubah peguam bela, peguam cara atau apa-apa jubah selain jubah yang berikut:

Jubah Khas Peguam Syarie

LAIN-LAIN

Kain berwarna hitam

